



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN HARGAI PELANGGAN SERTA RAI PEMENANG KEMPEN GONG XI ANG POW 2022 & MYPTPTN KLIK-KLIK JE!

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) meraikan pemenang **Kempen Gong Xi Ang Pow 2022** dan **Kempen myPTPTN Klik-klik je!** di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur sempena Majlis Mesra Bersama Pelanggan pada hari ini.
2. Kempen Gong Xi Ang Pow 2022 telah berlangsung selama sebulan bermula 15 Januari 2022 hingga 15 Februari 2022 lalu. Kempen ini yang bertemakan “**Gong Xi Simpan, Kongsi Ong! Hari-Hari Mesti Mau Simpan Tau!**” adalah salah satu kempen simbolik yang diadakan bagi meraikan kemeriahan Tahun Baru Cina agar kasih sayang sama-sama dirasakan oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.
3. Seramai lapan (8) orang pemenang setiap negeri telah memenangi hadiah keseluruhan hampir RM100,000. Pemenang Tempat Pertama membawa pulang TV Pintar 4K 50”, diikuti hadiah berupa Periuk Tekanan Tinggi bagi Pemenang Tempat Kedua dan sebuah Basikal Lipat bagi Pemenang Tempat Ketiga. Manakala lima (5) pemenang menerima Ang Pow bernilai RM388 setiap seorang sebagai hadiah saguhati.
4. Turut diraikan pada majlis tersebut adalah pemenang Kempen myPTPTN Klik-klik je! yang menawarkan hadiah keseluruhan yang sangat lumayan berupa wang tunai berjumlah RM250,000. Hadiah ini disediakan untuk 25 pemenang sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN untuk menggalakkan pelanggan memuat turun dan menggunakan aplikasi mudah alih myPTPTN. Kempen yang bermula pada 29 Mac 2022 dan akan berakhir pada 15 Jun 2022. Oleh yang demikian, pelanggan PTPTN masih lagi berpeluang untuk memenangi hadiah yang ditawarkan sebelum tarikh tamat tempoh promosi.
5. Penentuan pemenang adalah berdasarkan lima (5) aktiviti yang dilakukan melalui myPTPTN iaitu muat turun myPTPTN di telefon bimbit dan membuat pengesahan identiti, membuat transaksi bayaran balik pinjaman PTPTN, membuat transaksi penambahan deposit Simpan SSPN, membuat permohonan potongan gaji atau membuat permohonan debit terus.

6. Orang ramai boleh memuat turun myPTPTN sekarang dan memanfaatkan pelbagai perkhidmatan yang telah disediakan. Aplikasi myPTPTN boleh dimuat turun di telefon mudah alih melalui *platform* pengedaran digital seperti “*App Store*” bagi pengguna *iOS*, “*Play Store*” bagi pengguna *Android* dan “*Huawei AppGallery*” bagi pengguna Huawei.

7. Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, “Saya mewakili barisan Ahli Lembaga Pengurusan dan Pengurusan PTPTN mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pemenang Kempen Gong Xi Ang Pow 2022 dan Kempen myPTPTN Klik-klik je!. Saya berharap hadiah yang dimenangi ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh para pemenang untuk keluarga dan masa hadapan anak-anak. Semoga dengan kemenangan ini menyuntik semangat dan motivasi kepada orang ramai untuk terus menabung dalam Simpan SSPN.”

8. Menurut Datuk Wan Saiful, “Simpan SSPN telah berjaya mengekalkan portfolio cemerlang bermula tahun 2018. Jumlah keseluruhan deposit Simpan SSPN terkumpul sehingga 30 April 2022 ialah RM12.05 billion. Secara keseluruhan, sehingga 30 April 2022 sebanyak 5.36 juta akaun Simpan SSPN telah dibuka sejak instrumen simpanan ini diperkenalkan pada tahun 2004.”

9. “Saya juga sering memberi penekanan kepada masyarakat dalam usaha menanam budaya menabung seawal usia apabila saya mula menjadi Pengerusi PTPTN. Saya gembira kerana visi saya berjaya diterjemahkan oleh para pegawai PTPTN melalui kutipan deposit Simpan SSPN yang sudah empat (4) tahun berturut-turut mencatatkan peningkatan yang amat signifikan,” ulasnya lagi.

10. Majlis Mesra Bersama Pelanggan dan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan. Turut hadir semasa majlis tersebut, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi, YBhg Dato’ Seri Abdul Razak Jaafar, Ahli-ahli Lembaga Pengurusan PTPTN dan Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid.

11. Majlis Mesra Bersama Pelanggan diadakan bertujuan menghargai pelanggan PTPTN yang terdiri daripada Kementerian, agensi kerajaan dan swasta, rakan strategik, SAHABAT PTPTN, pendeposit Simpan SSPN, pelanggan PTPTN serta rakan-rakan media yang telah memberi kerjasama dalam menggalakkan penabungan serta bayaran balik dalam kalangan masyarakat Malaysia.